

Our ref: 2014084 NSY

Date: 14 August 2014

Your ref: *please advise*

Sent by: Fax (88893706) & Hand

1. **Pendaftar**
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
Aras 2 & 3, Blok B, Bangunan Chancery Place,
Jalan Diplomatik 2, Presint Diplomatik,
62542 Wilayah Persekutuan Putrajaya,
Malaysia
2. **Ketua Pengarah**
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
Aras 2 & 3, Blok B, Bangunan Chancery Place,
Jalan Diplomatik 2, Presint Diplomatik,
62542 Wilayah Persekutuan Putrajaya,
Malaysia

Tuan,

**ADUAN SALAH LAKU OLEH LEMBAGA DISIPLIN PARTI KEADILAN RAKYAT
DAN MAJLIS PIMPINAN PUSAT PARTI KEADILAN RAKYAT**

Kami mewakili Tan Sri Abdul Khalid Bin Ibrahim ("anakguam kami"). Beliau telah secara salah dan tidak sah dipecat sebagai ahli Parti Keadilan Rakyat ("PKR") dan ahli Majlis Pimpinan Pusat ("MPP") PKR.

Kami telah diarahkan oleh anakguam kami untuk menulis surat ini seperti berikut:

Latar Belakang

1. Pada 5 Ogos 2014, anakguam kami telah disampaikan dengan suatu Notis Tunjuk Sebab bertarikh 5 Ogos 2014 ("Notis Tunjuk Sebab tersebut") oleh satu Dato' Dr Tan Kee Kwong, Pengerusi Lembaga Disiplin ("LD") PKR. Sesalinan Notis Tunjuk Sebab dilampirkan di sini sebagai **Lampiran A** untuk rujukan Tuan.
2. Notis Tunjuk Sebab tersebut menyatakan, antara lain, bahawa:

Mesyuarat Khas MPP pada 21hb Julai 2014 telah membuat keputusan sebulat suara bahawa Presiden Parti merangkap ADUN Kajang, Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dipilih sebagai Menteri Besar Selangor yang baru. Ketua

|

Umum seterusnya membuat kenyataan media memaklumkan keputusan mesyuarat bahawa Presiden Parti, Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail akan menjadi Menteri Besar Selangor yang baru.

Satu kenyataan media oleh saudara pada 22hb Julai 2014 secara terang-terangan mengingkari keputusan Mesyuarat Khas MPP tersebut dengan menyatakan keengganan saudara meletak jawatan Menteri Besar Selangor.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada keputusan mesyuarat yang dibuat pada **15hb Januari 2014** dan **21hb Julai 2014** saudara diberikan peluang dalam tempoh **tiga (3) hari (ie. 8hb Ogos 2014)** dari tarikh surat ini untuk memberi jawapan saudara sebagai anggota Parti yang mengingkari keputusan Parti.

2. Pada 6 Ogos 2014, anakguam kami menjawab Notis Tunjuk Sebab dengan menyatakan bahawa Notis Tunjuk Sebab tersebut adalah, antara lainnya, cacat atas sebab tuduhan yang dinyatakan adalah tidak spesifik. Sesalanan Jawapan Notis Tunjuk Sebab bertarikh 6 Ogos 2014 dilampirkan sebagai **Lampiran B** di sini untuk rujukan Tuan.
3. Seterusnya, pada 7 Ogos 2014, Pengerusi LD PKR membalas Jawapan Notis Tunjuk Sebab anakguam kami dengan menyatakan bahawa isi dan maksud Notis Tunjuk Sebab tersebut adalah jelas dan meminta beliau untuk menghadiri sesi pendengaran oleh Lembaga Disiplin pada 8 Ogos 2014, pukul 3 petang di Bilik Library Ibu Pejabat Parti. Beliau juga dikehendaki untuk menampilkan penjelasan atas perkara-perkara berikut:
 - 3.1 Penstrukturan Air Selangor
 - 3.2 Elaun Baru Menteri Besar Selangor
 - 3.3 Kenaikan Cukai Bagi Lesen Perniagaan
 - 3.4 Pinjaman Bank Islam
 - 3.5 Cadangan Lebuhraya Baru KIDEX

(Dirujuk secara kolektif sebagai "Lima Perkara Tambahan")

Sesalanan Jawapan Notis Tunjuk Sebab bertarikh 7 Ogos 2014 dilampirkan di sini sebagai **Lampiran C** untuk rujukan Tuan.

4. Anakguam kami selanjutnya membalas Pengerusi LD PKR dengan Balasan Kepada Jawapan Notis Tunjuk Sebab pada 8 Ogos 2014. Sesalinan Balasan Kepada Jawapan Notis Tunjuk Sebab bertarikh 8 Ogos 2014 dilampirkan sebagai **Lampiran D** di sini untuk rujukan Tuan. Anakguam kami menyatakan, antara lain, bahawa:
 - 4.1 Notis Tunjuk Sebab tersebut tidak menyatakan, antara lainnya, pelanggaran mana-mana peruntukan di dalam Perlembagaan Parti PKR oleh anakguam kami. Ini bermakna secara prima facie, tiada apa-apa salah laku disiplin yang telah dilakukan oleh saya dan tiada apa-apa salah laku disiplin yang boleh didengar oleh Lembaga Disiplin.
 - 4.2 Anakguam kami telah diberikan notis yang amat singkat iaitu kurang sehari untuk menghadiri sesi pendengaran oleh Lembaga Disiplin yang ditetapkan pada 8 Ogos 2014, 3.00 petang. Notis yang sebegitu singkat kepada anakguam kami adalah tidak memadai dan tidak adil.
 - 4.3 Notis Tunjuk Sebab tidak merujuk kepada Lima Perkara Tambahan dan tuduhan terhadap anakguam kami mesti dijelaskan dengan butir-butir terperinci. Anakguam kami memohon agar dinyatakan dengan jelas bagaimana Lima Perkara Tersebut mempunyai apa-apa kaitan dengan tuduhan dalam Notis Tunjuk Sebab.
 - 4.4 Anakguam kami tidak dapat menghadiri sesi pendengaran tersebut kerana anakguam kami terikat dengan tanggungjawab-tanggungjawabnya sebagai Menteri Besar Selangor Darul Ehsan pada masa sesi pendengaran tersebut dan memohon agar pendengaran tersebut ditangguhkan dan ditetapkan pada 15 Ogos 2014, pukul 3.00 petang di tempat yang sama.
5. Berikut itu, anakguam kami tidak menerima apa-apa jawapan daripada Pengerusi LD PKR.
6. Setelah pihak media melaporkan bahawa Pengerusi LD PKR akan berbincang dengan MPP PKR berkenaan “masa depan” anakguam kami, pada 9 Ogos 2014, anakguam kami telah melalui pihak kami, menulis kepada Pengerusi LD PKR bahawa LD PKR tidak boleh membincangkan perkara ini dengan MPP PKR. Kami juga telah sekali lagi meminta Pengerusi LD PKR untuk menjelaskan beberapa perkara yang dinyatakan dalam perenggan 6.1 hingga perenggan 6.9 surat bertarikh 9 Ogos 2014 tersebut. Kami menyatakan kepada Pengerusi LD PKR bahawa pendengaran LD berkenaan salah laku disiplin anakguam kami tidak boleh dijalankan tanpa penjelasan daripadanya. Sesalinan Surat BON bertarikh 9 Ogos 2014 dilampirkan di sini sebagai **Lampiran E** untuk rujukan Tuan.
7. Pada lebih kurang 6:00 petang, 9 Ogos 2014, LD PKR dan MPP PKR telah membuat suatu kenyataan media bahawa anakguam kami telah dipecat keahliannya dalam PKR. Sesalinan kenyataan media yang dibuat oleh LD PKR dan MPP PKR dilampirkan di sini sebagai **Lampiran F** untuk rujukan Tuan.



8. Seterusnya, pada 10 Ogos 2014, anakguam kami telah melalui pihak kami, menulis kepada Pengerusi LD PKR dan Pengerusi MPP PKR untuk menyatakan bahawa proses disiplin dan keputusan oleh LD PKR dan MPP PKR adalah dibuat dengan sewenang-wenangnya, suatu penyalahgunaan kuasa, *pre-judgment*, dan berat sebelah ("*bias*") atas sebab-sebab yang ternyata dalam perenggan 4.1 dan 4.2 surat BON 10 Ogos 2014. Sesalinan surat BON bertarikh 10 Ogos 2014 tersebut dilampirkan sebagai **Lampiran G** untuk rujukan Tuan.
9. Selanjutnya, anakguam kami menerima suatu surat bertarikh 9 Ogos 2014 daripada Setiausaha Agung PKR untuk memberitahu anakguam kami tentang keputusan pemecatan keahliannya. Sesalinan surat Setiausaha Agung PKR bertarikh 9 Ogos 2014 tersebut dilampirkan di sini sebagai **Lampiran H** untuk rujukan Tuan.
10. Melalui suatu surat bertarikh 12 Ogos 2014, peguamcara Pengerusi LD PKR dan Pengerusi MPP PKR, Tetuan Tommy Thomas, telah membalas surat kami yang bertarikh 10 Ogos 2014. Surat itu menyatakan bahawa Pengerusi LD PKR dan Pengerusi MPP PKR menafikan semua tuduhan terhadap mereka yang terkandung dalam surat kami yang bertarikh 10 Ogos 2014. Langsung tiada apa-apa penjelasan yang diberikan oleh Pengerusi LD PKR dan Pengerusi MPP PKR. Permohonan kami untuk (i) senarai kehadiran MPP PKR; (ii) bagaimana ahli-ahli MPP PKR telah mengundi; dan (iii) nama-nama ahli yang membentuk LD PKR, tidak dihiraukan oleh mereka.

Sesalinan surat Tetuan Tommy Thomas bertarikh 12 Ogos 2014 tersebut dilampirkan di sini sebagai **Lampiran I** untuk rujukan Tuan.

Perlanggaran Perlembagaan Parti PKR dan prinsip-prinsip "*natural justice*" oleh LD PKR dan MPP PKR

11. LD PKR dan MPP PKR telah melanggar Perlembagaan Parti PKR dan prinsip-prinsip "*natural justice*" dalam proses pemecatan anakguam kami. Oleh kerana tidak terdapat kaedah-kaedah disiplin berkenaan proses disiplin terhadap ahli-ahli PKR, prinsip-prinsip utama seperti hak supaya tuduhan terhadap anakguam kami adalah jelas dan terperinci, hak untuk didengar, hak untuk membela diri dalam perbicaraan dan hak untuk diwakili peguam seharusnya dilaksanakan. Kesemua ini tidak dipatuhi.
12. Malahan, fakta-fakta pelanggaran tersebut adalah seperti berikut:

LD PKR telah:

- a. mengadakan sesi pendengaran disiplin dalam notis singkat;
- b. gagal memberikan butir-butir yang jelas untuk tuduhan terhadap anakguam kami;

- c. seterusnya mengarahkan anakguam kami untuk menjawab 5 Perkara Tambahan yang tidak terkandung dalam Notis Tunjuk Sebab;
- d. gagal membalas permohonan anakguam kami untuk penangguhan;
- e. gagal memberi butir-butir tentang komposisi LD PKR;
- f. menjalankan sesi pendengaran disiplin tanpa kehadiran anakguam kami;
- g. dipengerusikan oleh YB Dato' Dr Tan Kee Kwong, yang sedang disiasat untuk penyalahgunaan dana Skim Mesra Usia Emas; dan
- h. selanjutnya mencadangkan kepada MPP PKR untuk memecat anakguam kami tanpa mendengar anakguam kami.

MPP PKR telah:

- a. gagal untuk mengambil kira proses disiplin yang salah dan cacat oleh LD PKR;
- b. mengambil kira perkara-perkara yang tidak terkandung dalam Notis Tunjuk Sebab seperti penstrukturan semula negeri Selangor, peningkatan elaun Menteri Besar, peningkatan cukai lesen perniagaan, dan KIDEX; dan
- c. membenarkan ahli-ahli yang mempunyai kepentingan diri untuk memecat anakguam kami memandangkan:
 - i. YB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail telah kononnya dipilih untuk menggantikan anakguam kami sebagai Menteri Besar Selangor.
 - ii. Ahli-ahli MPP PKR telah mengukuhkan pendirian mereka dengan membuat alegasi-alegasi yang liar dan palsu terhadap anakguam dan kini sukar ditarik balik oleh mereka.
 - iii. Ahli-ahli MPP PKR telah selanjutnya mengendorskan penerbitan "dossier" fitnah terhadap anakguam kami dalam usaha-usaha mereka untuk menyingkirkan anakguam kami.

13. Tambahan lagi, Fasal 41.I Perlembagaan Parti PKR menyatakan bahawa:

Majlis Pimpinan Pusat berkuasa menubuhkan Lembaga Disiplin yang akan dianggotai oleh seorang Pengerusi dan sekurang-kurangnya enam (6) orang Ahli. Ahli-ahli Lembaga Disiplin mestilah terdiri daripada anggota Parti yang bukan dari kalangan Ahli Majlis Pimpinan Pusat.

14. Berikutan itu, apa-apa sesi pendengaran disiplin mesti mempunyai kehadiran kesemua enam (6) orang ahli LD. Anakguam kami telah memohon daripada LD PKR melalui surat kami bertarikh 9 Ogos 2014 dan 10 Ogos 2014 kepada Pengerusi LD PKR untuk bertanya siapa ahli-ahli LD. Akan tetapi, permohonan anakguam kami tidak dijawab oleh Pengerusi LD. Oleh sebab itu, sehingga kini masih tiada apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa LD PKR mempunyai enam orang ahli dan sesi pendengaran disiplin berkenaan salah laku disiplin anakguam kami dihadiri oleh enam orang ahli LD. Maka, ini adalah bertentangan dengan Fasal 41.1 Perlembagaan Parti PKR.
15. Selanjutnya, Fasal 9.1 (e) Perlembagaan Parti PKR menyatakan bahawa:
- Keputusan memecat keanggotaan mana-mana Ahli Majlis Pimpinan Pusat hendaklah dengan persetujuan dua per tiga (2/3) dari jumlah Ahli Majlis Pimpinan Pusat.
16. Jesteru, pemecatan anakguam kami memerlukan persetujuan dua per tiga dari jumlah Ahli Majlis Pimpinan Pusat. Anakguam kami telah meminta Pengerusi MPP PKR melalui surat kami bertarikh 10 Ogos 2014 untuk membekalkan senarai kehadiran MPP PKR dan bagaimana setiap ahli MPP yang hadir mengundi semasa keputusan untuk memecat anakguam kami dibuat. Akan tetapi, permohonan anakguam kami tidak dijawab oleh Pengerusi MPP PKR. Oleh sebab itu, tiada apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa terdapatnya persetujuan daripada dua per tiga dari jumlah Ahli Majlis Pimpinan Pusat untuk memecat anakguam kami.
17. Selepas itu, tidak terdapat definisi “salah laku disiplin” dalam Fasal 41 Perlembagaan Parti PKR. Pihak LD PKR dan MPP PKR hanya menyatakan bahawa anakguam kami kononnya telah mengingkari keputusan MPP PKR. LD PKR dan MPP PKR tidak menyatakan pelanggaran mana-mana peruntukan di dalam Perlembagaan Parti PKR. Tambahan lagi, Perlembagaan Parti PKR tidak menyatakan bahawa mengingkari keputusan MPP PKR adalah suatu salah laku disiplin.
18. Pemecatan anakguam kami telah dibuat secara sengaja dan berniat jahat untuk mencapai suatu tujuan kolateral supaya beliau dapat digantikan oleh Presiden PKR iaitu Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai Menteri Besar Selangor Darul Ehsan tanpa persetujuan semua parti politik Pakatan Rakyat yakni Parti Islam Se-Malaysia dan perkenaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Kesimpulan

19. Anakguam kami telah terkilan oleh proses pemecatan beliau. Anakguam kami sesungguhnya percaya keputusan pemecatan keanggotaan beliau telah dibuat bertentangan dengan Perlembagaan Parti PKR dan prinsip-prinsip “*natural justice*” seperti mana yang dinyatakan di atas dan terdapat sebab-sebab yang baik untuk Tuan menyiasat perkara ini untuk penjelasan yang wajar. Antara lainnya, kuasa-kuasa pihak Tuan dinyatakan di dalam seksyen 13(1)(c)(iv) Akta Pertubuhan 1966 dibaca dengan seksyen 13A(2) Akta Pertubuhan 1966.



BONadvocates.com

Edmund BON Tai Soon
+60 12 234 3285
ebon@BONadvocates.com

Joshua TAY H'ng Foong
+60 10 248 6524
jtay@BONadvocates.com

Jane TAI Le Qian
+60 16 541 1190
jtai@BONadvocates.com

NEW Sin Yew
+60 13 363 9238
synew@BONadvocates.com

TAN Poh Yee
+60 12 685 0453
pytan@BONadvocates.com


20. Kami berharap bahawa pihak Tuan akan menasihati kami sebagai peguamcara anakguam kami apa-apa perkembangan berkenaan perkara ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar
bagi dan untuk pihak **BON**

New Sin Yew
Lamp.
s.k. Anakguam

LAMPIRAN A



IbuPejabatParti

Parti Keadilan Rakyat
A-1-09, Merchant Square
No. 1, Jalan Tropicana Selatan 1
47410 Petaling Jaya

RUJUKAN KAMI: SUA2014/SKR/JKD/MHM/334

RUJUKANANDA:

TARIKH: 5hb Ogos 2014

TELEFON: +603 7885 0530

FAKS: +603 7885 0531

E-MAIL: ibupejabat@keadilanrakyat.org

WEB: www.keadilanrakyat.org

YAB Tan Sri Abd Khalid Ibrahim
Menteri Besar Selangor
Tingkat 20 & 21, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam
Selangor
No. Anggota: B050000001

MELALUI EMEL & SURAT BERDAFTAR AR

Saudara,

NOTIS TUNJUK SEBAB

Perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa Biro Politik dalam mesyuaratnya pada 3hb Ogos 2014 telah memutuskan untuk mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada saudara.

Untuk makluman, Majlis Pimpinan Pusat (MPP) dalam mesyuarat Khas pada 15hb Januari 2014 telah bersetuju dengan keputusan pertukaran Menteri Besar baru untuk Selangor. MPP juga telah memberi mandat kepada Ketua Umum, Dato Seri Anwar Ibrahim untuk melaksanakan keputusan ini dengan segera.

'Langkah Kajang' pada Mac 2014 adalah suatu langkah yang membolehkan Dato' Seri Anwar Ibrahim bertanding menjadi ADUN dan seterusnya dilantik sebagai Menteri Besar baru bagi negeri Selangor. Secara jelas saudara harus memberi ruang kepada beliau dengan melepaskan jawatan sebagai Menteri Besar Selangor. Atas sebab-sebab tertentu yang menghalang beliau bertanding sebagai calon PRK Dun Kajang, Parti kemudiannya memilih Presiden Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon PRK Dun Kajang. Walaubagaimanapun matlamat 'Langkah Kajang' masih berterusan.

Mesyuarat Khas MPP pada 21hb Julai 2014 telah membuat keputusan sebulat suara bahawa Presiden Parti merangkap ADUN Kajang, Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dipilih sebagai Menteri Besar Selangor yang baru. Ketua Umum seterusnya membuat kenyataan media memaklumkan keputusan mesyuarat bahawa Presiden Parti, Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail akan menjadi Menteri Besar Selangor yang baru.

Satu kenyataan media oleh saudara pada 22hb Julai 2014 secara terang-terangan mengingkari keputusan Mesyuarat Khas MPP tersebut dengan menyatakan keengganan saudara meletak jawatan Menteri Besar Selangor.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada keputusan mesyuarat yang dibuat pada **15hb Januari 2014** dan **21hb Julai 2014** saudara diberikan peluang dalam tempoh **tiga (3) hari (ie.8hb Ogos 2014)** dari tarikh surat ini untuk memberi jawapan saudara sebagai anggota Parti yang mengingkari keputusan Parti.

Sekiranya saudara gagal menjawab surat ini dalam tempoh yang ditetapkan di atas, maka Lembaga Displin tidaklah berhalangan untuk meneruskan tindakan disiplin tanpa merujuk kepada saudara lagi berdasarkan bukti-bukti sedia ada.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,



DATO' DR. TAN KEE KWONG
Pengerusi Lembaga Disiplin
Parti Keadilan Rakyat

S.l.k. Setiausaha Agung
Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri

LAMPIRAN B



داتوق منتري بسر سلاڠور
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Tarikh : 10 Ramadan 1435H
6hb. Ogos 2014

YB. Dato' Dr Tan Kee Kwong
Pengerusi Lembaga Disiplin
Parti Keadilan Rakyat
A-1-09 Merchant Square
No. 1 Jalan Tropicana Selatan 1
47410 Petaling Jaya

DENGAN TANGAN

YB. Dato'

NOTIS TUNJUK SEBAB

Saya merujuk perkara di atas dan menjawab surat bertarikh 5 Ogos 2014 seperti berikut:

1. Apabila satu notis tunjuk sebab dikeluarkan, adalah menjadi keperluan utama bagi notis tersebut menyatakan dengan jelas dan secara spesifik semua tuduhan yang dikenakan terhadap saya dengan menyatakan pelanggaran mana-mana peruntukan di dalam Perlembagaan parti serta peruntukan-peruntukan di mana hukuman boleh dikenakan terhadap saya. Pernyataan secara spesifik tersebut adalah wajar untuk YB. Dato' nyatakan secara bertulis, malangnya setakat ini, notis bertarikh 5 Ogos 2014 dilihat sebagai satu notis yang cacat; tanpa butir-butir relevan serta memadai bagi membolehkan saya untuk menjawab.
2. Sementara menunggu apa-apa notis tunjuk sebab yang sah, saya menarik perhatian YB. Dato' bahawa pada setiap masa material, 'Langkah Kajang' (kononnya yang dinamakan dan dirujuk oleh YB. Dato') adalah sesuatu perkara yang tidak dibincang oleh pihak-pihak berkenaan dalam cara yang efektif dan adil dengan dan kepada saya. Sebaliknya, apa-apa keputusan yang dibuat berkenaan 'Langkah Kajang' ini telah cuba dilaksanakan sebagai satu 'arahan' oleh parti kepada saya tanpa memberi pertimbangan wajar bahawa tanggungjawab saya sebagai Menteri Besar juga merangkumi tanggungjawab eksekutif terhadap semua rakyat Selangor, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor termasuk menasihati DYMM Sultan Selangor berkenaan hal-ehwal pentadbiran Kerajaan Negeri.

-2/..

3. Alasan-alasan untuk 'Langkah Kajang' pula tidak pernah dikemukakan kepada saya secara tulus dan ikhlas supaya saya dapat menghalusinya. Alasan-alasan yang kononnya telah diberikan adalah berubah-ubah dan tidak menentu serta mewujudkan kekeliruan. Saya menegaskan di sini saya tidak pernah bersetuju tindakan 'Langkah Kajang' yang dilakukan serta tindakan En. Lee Chin Cheh meletakkan jawatan sebagai Ahli Dewan Negeri Selangor tanpa alasan munasabah yang ternyata tindakan tersebut telah mencemar prinsip demokrasi dan mengkhianati kepentingan rakyat Selangor khusus para pengundi di Kajang. Saya turut kesal setelah melakukan tindakan tersebut, En. Lee Chin Cheh tidak dikenakan sebarang tindakan tatatertib malah telah dibenarkan oleh parti dan Jawatankuasa Pemilihan Parti untuk bebas bertanding di peringkat Cabang dan Pusat sedangkan tindakan tersebut telah mencemar nama baik parti di mata parti-parti komponen Pakatan Rakyat serta rakyat Selangor.
4. Walau apa pun, pihak-pihak berkenaan yang telah cuba untuk melaksanakan 'Langkah Kajang' ini sesungguhnya mengakui dan berpengetahuan bahawa pengunduran saya sebagai Menteri Besar hanya akan diteruskan setelah mendapat persetujuan kesemua parti politik di dalam gabungan Pakatan Rakyat – PKR, PAS dan DAP serta mendapat perkenan dari DYMM Sultan Selangor. Setakat ini dan tanpa menghiraukan pendapat kesemua parti politik Pakatan Rakyat serta terlebih dahulu mendapat perkenan dari DYMM Sultan Selangor, parti nampaknya telah pada 21 Julai 2014 membuat keputusan dengan mengambil langkah-langkah keras memaksa saya meletakkan jawatan. Tindakan ini, saya dengan rendah diri, berpendapat adalah keputusan pramatang yang tidak boleh dilaksanakan. Malah jika keputusan tersebut dilaksanakan ianya merupakan satu tindakan merbahaya dan akan memprejudiskan kestabilan Kerajaan Negeri Selangor selain ianya adalah satu keputusan yang tidak adil, bukan sahaja terhadap saya tetapi terhadap kesemua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dan rakyat Selangor khususnya. Anggapan salah berkenaan kebolehan Pakatan Rakyat untuk mentadbir dan mengurus sesebuah Kerajaan Negeri dengan baik juga akan disebarikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.
5. Dalam konteks seperti yang dinyatakan di atas, saya ingin menegaskan bahawa setelah saya dilantik sebagai Menteri Besar Selangor mengikut peruntukan Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor, saya perlu menghormati dan melaksanakan obligasi saya untuk menegakkan peruntukan Undang-Undang tersebut, yakni saya masih mendapat sokongan majoriti (*confidence of the majority*) dalam Dewan Negeri Selangor dan tidak terdapat apa-apa alasan

m.s.: 3
NOTIS TUNJUK SEBAB

mengikut Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor mengapa saya seharusnya meletakkan jawatan saya. Ini adalah maksud saya apabila mengeluarkan kenyataan bahawa sebarang keputusan berkenaan penukaran Menteri Besar Selangor perlu memegang kepada prinsip undang-undang dan hendaklah mengikut tatacara dan prosedur sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor termasuk memperoleh perkenan dari DYMM Sultan Selangor.

Pakatan Rakyat kini mempunyai sokongan rakyat yang kuat di seluruh negara. Melihat insiden dan kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh para pimpinan baru-baru ini serta keadaan semasa, saya amat berharap jentera parti tidak diperalatkan dalam satu skim yang bermotivasi politik untuk mengubah hala-tuju dan menjejaskan imej Kerajaan Negeri Selangor serta memprejudiskan kerja parti-parti Pakatan Rakyat.

Sebagai ahli seumur hidup Parti Keadilan Rakyat yakni sebuah parti yang menerajui perjuangan menegakkan keadilan, saya bersedia untuk menjawab sebarang pertuduhan sah yang dikenakan terhadap saya jika dilakukan secara betul dan tertib pada bila-bila masa.

Saya berdoa agar kekeliruan dan kemelut ini tidak akan berlanjutan dan kita semua dapat bersatu meneruskan perjuangan politik parti kita bersama-sama menentang kezaliman, korupsi dan penyalahgunaan kuasa pihak-pihak tertentu.

Sekian. Terima kasih.

Yang benar,



(TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM)
PSM., SPMS., DSAP.

s.k. Setiausaha Agung
Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri

LAMPIRAN C



Ibu Pejabat Parti

Parti Keadilan Rakyat
A.1.09, Merchant Square
No. 1, Jalan Tropicana Selatan 1
47410 Petaling Jaya

TELEFON: +603 7885 0530
FAKS: +603 7885 0531

E-MAIL: ibupejabat@keadilanrakyat.org
WEB: www.keadilanrakyat.org

RUJUKAN KAMI: SUA2014/SKR/JKD/MHM/338

RUJUKAN ANDA:

TARIKH: 7hb Ogos 2014

YAB Tan Sri Abd Khalid Ibrahim
Menteri Besar Selangor
Tingkat 20 & 21, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam
Selangor
No. Anggota: B050000001

MELALUI EMEL & SURAT BERDAFTAR AR

Saudara,

JAWAPAN NOTIS TUNJUK SEBAB

Perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Disiplin telah menerima surat jawapan tunjuk sebab saudara yang diterima pada 6hb Ogos 2014.

Untuk makluman, isi dan maksud Notis Tunjuk Sebab (SUA2014/SKR/JKD/MHM/334) bertarikh 5hb Ogos 2014 kepada saudara adalah jelas.

Merujuk kepada surat saudara pada perenggan 1 dan 2, Lembaga Disiplin berpandangan bahawa isi kandungan surat saya kepada saudara adalah cukup jelas.

Saudara diminta untuk hadir ke sesi pendengaran oleh Lembaga Disiplin pada:

Tarikh: 8hb Ogos 2014 (Jumaat)

Masa: 3.00 petang.

Tempat: Bilik Library, Tingkat 3, Ibu pejabat Parti, Tropicana.


Jika masa dan tarikh tidak sesuai, mohon dimaklumkan kepada Lembaga Disiplin cadangan masa & tarikh lain sebelum jam 12.00 tengahari pada 9hb Ogos 2014 (Sabtu).

Selama sesi pendengaran mohon juga saudara untuk menamatkan penyelesaian atas perkara-perkara berikut:

1. **Penstrukturan Air Selangor.**
-Pakatan Rakyat telah menubuhkan satu komiti khas berkenaan perkara ini.
2. **Elaun Baru Menteri Besar Selangor**
-jumlah yang lebih tinggi daripada gaji Perdana Menteri Malaysia.
3. **Kenaikan Cukai bagi Lesen Perniagaan**
-ada yang melebihi daripada 300%
4. **Pinjaman Bank Islam**
-penyelesaian di luar mahkamah
5. **Cadangan Lebuhraya Baru KIDEX**

Sekian, harap maklum.

Yang benar,


DATO' DR. TAN KEE KWONG
Pengerusi Lembaga Disiplin
Parti Keadilan Rakyat

1/8/2014

2.30pm..

Setiausaha Agung
Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri

LAMPIRAN D



داتوق منتري بسر سلاڠور
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Tarikh : 12 Syawal 1435H
8hb. Ogos 2014

YB. DATO' DR. TAN KEE KWONG

Pengerusi Lembaga Disiplin
Parti Keadilan Rakyat
A-1-09 Merchant Square,
No. 1 Jalan Tropicana Selatan 1
47410 Petaling Jaya.

DENGAN TANGAN

YB. Dato',

ALASAN KEPADA JAWAPAN NOTIS TUNJUK SEBAB

Saya merujuk kepada perkara di atas dan menjawab notis pendengaran Lembaga Disiplin melalui surat bertarikh 7 Ogos 2014 yang diterima pada petang 7 Ogos 2014 seperti berikut:

1. Adalah dikesali bahawa YB. Dato' menyatakan bahawa isi dan maksud Notis Tunjuk Sebab bertarikh 5 Ogos 2014 adalah jelas. Jika Notis Tunjuk Sebab tersebut tidak menyatakan, antara lainnya, tuduhan dan pelanggaran mana-mana peruntukan di dalam Perlembagaan parti oleh saya, ini bermakna secara *prima facie*, tiada apa-apa salah laku disiplin yang telah dilakukan oleh saya dan tiada apa-apa salah laku disiplin yang boleh didengar oleh Lembaga Disiplin. Tanpa butir-butir tersebut, saya tidak dapat membela diri saya dengan efektif. Oleh sebab itu, YB. Dato' dan Lembaga Disiplin dengan hormatnya terkhilaf dalam pernyataan dan pandangan bahawa Notis Tunjuk Sebab adalah jelas.
2. Merujuk kepada sesi pendengaran oleh Lembaga Disiplin yang ditetapkan pada 8 Ogos 2014, jam 3.00 petang, saya hanya diberikan notis yang amat singkat iaitu kurang dari 24 jam untuk menghadiri pendengaran tersebut. Notis yang sebegitu singkat kepada saya adalah tidak munasabah dan tidak adil.

Saya amat terkilan apabila notis pendengaran YB. Dato' kini meminta saya untuk menjelaskan lima perkara tambahan iaitu (a) Penstrukturan Air Selangor, (b) Elaun Baru Menteri Besar Selangor, (c) Kenaikan Cukai bagi Lesen Perniagaan, (d) Pinjaman Bank Islam, dan (e) Cadangan Lebuhraya Baru KIDEX. Saya

-2/-

berpendapat bahawa YB. Dato telah bertindak secara tidak adil terhadap saya kerana Notis Tunjuk Sebab tidak merujuk kepada perkara-perkara tersebut. Tindakan YB. Dato' ini menguatkan lagi desakan saya bahawa sebarang pertuduhan terhadap saya hendaklah dinyatakan dengan jelas dengan butiran terperinci. Justeru, bagaimana lima perkara tersebut mempunyai apa-apa kaitan dengan 'Langkah Kajang' yang mulanya dinyatakan dalam Notis Tunjuk Sebab. Tambahan pula, seperti YB. Dato' dan umum berpengetahuan 'Langkah Kajang' telah dikatakan dirancang sebelum kelima-lima perkara tersebut berbangkit.

4. Saya tegaskan di sini, lima perkara tersebut merupakan perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam kuasa eksekutif mentadbir negeri Selangor. YB. Dato' dan Lembaga Disiplin hanya mempunyai bidangkuasa untuk mendengar salah laku disiplin berkenaan perkara-perkara berkaitan dengan parti dan bukannya apa-apa perkara lain apatah lagi dalam hal pentadbiran kerajaan negeri. Oleh sebab itu, adalah tidak munasabah bagi YB. Dato' dan Lembaga Disiplin mengkehendakkan saya dalam tempoh yang sangat singkat menjelaskan lima perkara tersebut. Sekali lagi, ini jelas menunjukkan bahawa YB. Dato' dan Lembaga Disiplin sendiri tidak jelas dan tidak konsisten dengan kononnya apa-apa salah laku oleh saya dan perkara-perkara yang perlu saya jawab.
5. Saya ingin membawa perhatian YB. Dato' kepada cogan perjuangan Parti di bawah Fasal 3 Perlembagaan Parti Keadilan Rakyat iaitu "Keadilan Untuk Semua". Sebagai sebuah parti yang berjuang demi keadilan untuk semua, saya seharusnya juga diberikan peluang yang nyata dan bukan maya untuk membela diri jika memang benar terdapat isu salah laku terhadap saya. Malangnya, tindakan YB. Dato' dan Lembaga Disiplin setakat ini amat mencurigakan. Tindakan YB. Dato' dan Lembaga Disiplin bertentangan dengan cogan perjuangan Parti, bertentangan dengan prinsip-prinsip keadilan semulajadi dan tidak mengikut proses yang betul.
6. Saya berasa amat risau berkenaan bagaimana tergesa-gesanya perkara tindakan disiplin ini sedang dilaksanakan. Seperti bagaimana Ketua Umum, Dato' Seri Anwar Ibrahim, telah berasa risau tentang rayuannya dalam Mahkamah Rayuan telah dilaksanakan secara tergesa-gesa, kita tidak boleh memberi suatu persepsi awam yang sama dalam perkara di hadapan kita ini.

7. Walau apa pun, saya tidak dapat menghadiri sesi pendengaran tersebut kerana saya terikat dengan tanggungjawab-tanggungjawab saya sebagai Menteri Besar Selangor Darul Ehsan pada masa sesi pendengaran tersebut mahu dijalankan.

Saya dengan rendah diri memohon agar pendengaran tersebut ditangguhkan dan mencadangkan diadakan pada 15 Ogos 2014, pukul 3.00 petang di tempat yang sama.

8. Jika YB. Dato' dan Lembaga Disiplin masih ingin meneruskan pendengaran disiplin terhadap saya, sila maklumkan kepada saya (i) nama ahli-ahli Lembaga Disiplin yang akan bersidang pada sesi pendengaran terhadap saya, (ii) prosedur yang akan diterimapakai semasa pendengaran tersebut, (iii) samada saya boleh diwakili oleh peguam-peguam dan (iv) samada saya boleh membawa pegawai-pegawai bersama.

Sekian. Terima kasih.

Yang benar,



(TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM)
PSM., SPMS., DSAP.

s.k. Setiausaha Agung
Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri

LAMPIRAN E



BONadvocates.com

Edmund BON Tai Soon
+60 12 234 3285
ebon@BONadvocates.com

Joshua TAY H'ng Foong
+60 10 248 6524
jtay@BONadvocates.com

Jane TAI Le Qian
+60 16 541 1190
jtai@BONadvocates.com

NEW Sin Yew
+60 13 363 9238
synew@BONadvocates.com

TAN Poh Yee
+60 12 685 0453
pytan@BONadvocates.com

Our ref: 2014084 NSY

Date: 09 August 2014

Your ref: *please advise*

Sent by: Hand

YB Dato' Dr Tan Kee Kwong
Pengerusi Lembaga Disiplin
Parti Keadilan Rakyat
A-1-09 Merchant Square
No. 1 Jalan Tropicana Selatan 1
47410 Petaling Jaya

YB Dato',

**SHOW CAUSE LETTER AND DISCIPLINARY BOARD HEARING OF TAN SRI
ABDUL KHALID BIN IBRAHIM**

We act for Tan Sri Abdul Khalid Bin Ibrahim ("Our client").

We have been instructed to refer to our client's letters dated 5 and 8 August 2014 to YB Dato' and state as follows:

1. Our client refers to The Malaysian Insider's report on 8 August 2014 titled "PKR bincang masa depan Khalid esok, kata Lembaga Disiplin" at www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-bincang-masa-depan-khalid-esok-kata-lembaga-disiplin. The report states as follows:

Pengerusinya, Datuk Dr Tan Kee Kwong berkata masa depan Khalid akan dibincangkan bersama pemimpin kanan parti selain ketua cabang juga dijemput memberikan pandangan. "Kita sudah terima (surat Khalid) dan esok kita bincang di MPP. Pandangan kami tidak boleh diberitahu hari ini.

"Lebih baik 3 petang esok kita panggil ketua cabang maka mesyuarat akan diadakan di sana. Pemimpin kanan juga akan hadir," katanya ketika ditemui media di Ibu Pejabat PKR hari ini.

2. Our client is perplexed that YB Dato' said the Disciplinary Board has come to a "view" and will discuss the "future" of our client with the party leadership on 9 August 2014. Please clarify YB Dato's statement as reported in The Malaysian Insider. If YB Dato' now denies making the statement, please write to The Malaysian Insider compelling it to withdraw or retract the story, and copying us as solicitors.



BONadvocates.com

Edmund BON Tai Soon
+60 12 234 3285
ebon@BONadvocates.com

Joshua TAY H'ng Foong
+60 10 248 6524
jtay@BONadvocates.com

Jane TAI Le Qian
+60 16 541 1190
jtai@BONadvocates.com

NEW Sin Yew
+60 13 363 9238
synew@BONadvocates.com

TAN Poh Yee
+60 12 685 0453
pytan@BONadvocates.com

3. As YB Dato' is aware, no disciplinary hearing has been conducted and no reply has been forthcoming from YB Dato's to our client's letter dated 8 August 2014.
4. Take note that YB Dato' and the Disciplinary Board should not and cannot, in fairness to our client, discuss the matter at hand with the party leadership, some of whom have an interest in the removal of our client as the Menteri Besar of Selangor.
5. Our client in fact notes a litany of breaches of natural justice thus far giving rise to perception of conflict of interest and bias against our client.
6. Our client reiterates his requests in his letter dated 8 August 2014 and will wait for YB Dato's reply. In particular, our client seeks that YB Dato' clarifies the following, among others:
 - 6.1 What is the charge(s) against our client? To date, our client is unsure as to the charge being levelled against him.
 - 6.2 The particulars of the charge(s) against our client.
 - 6.3 How does the additional 5 issues YB Dato has raised namely, on the Selangor water restructuring, increase in the Menteri Besar's allowance, increase in business licence taxes, Bank Islam loan and KIDEX have anything to do with the charge(s) against our client?
 - 6.4 Which provision of the party's constitution has been breached and is being complained about?
 - 6.5 Which provision in the party's constitution provides for the punishment?
 - 6.6 Who is the complainant or are the complainants?
 - 6.7 Who are the members of the Disciplinary Board?
 - 6.8 What procedures will YB Dato' and the Disciplinary Board be adopting at the hearing? Please note that without a set of written disciplinary rules and regulations, no hearing can proceed.
 - 6.9 Can our client at the hearing be accompanied by his solicitors and/or State officers?
7. Until our client receives a satisfactory reply, no hearing can proceed.

2



BONadvocates.com

Edmund BON Tai Soon
+60 12 234 3285
ebon@BONadvocates.com

Joshua TAY H'ng Foong
+60 10 248 6524
jtay@BONadvocates.com

Jane TAI Le Qian
+60 16 541 1190
jtai@BONadvocates.com

NEW Sin Yew
+60 13 363 9238
synew@BONadvocates.com

TAN Poh Yee
+60 12 685 0453
pytan@BONadvocates.com

8. Kindly be informed that we have instructions to accept service of documents and correspondence for our client, and therefore please direct the same to us.
9. Our client reserves his rights in the meantime.

Yours faithfully,
For and on behalf of
BON

New Sin Yew
c.c. Client


LAMPIRAN F

- [Stay Connected](#)
- / Friday, August 15, 2014

Search in site...

Keadilan Daily

Laman Berita Rasmi Parti Keadilan Rakyat



Buku & t-shirt terbaru Zunar
'Komplot Penjarakan Anwar'
Najib Jatuh Hukum, Hakim Ikut Skrip
Hubungi: 03-9221 1045

Klik di sini untuk pembelian online

- [Home](#)
- [NASIONAL](#)
- [KENYATAAN MEDIA](#)
- [AKTIVITI & CERAMAH](#)
- [RENCANA](#)
- [RISALAH KEADILAN](#)
- [BUKU JINGGA](#)

Khalid Ibrahim dipecat dari KEADILAN

KENYATAAN AKHBAR

Lembaga Disiplin KEADILAN telah meneliti dan mengadakan siasatan berkenaan kes disiplin dan tatatertib TAN SRI KHALID IBRAHIM (Cabang Kuala Selangor). Kes ini telahpun dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat KEADILAN bertarikh 9 Ogos 2014.

Berikut adalah keputusan yang dicadangkan Lembaga Disiplin, yang turut mempertimbangkan surat-surat balasan oleh TAN SRI KHALID IBRAHIM bertarikh 6 Ogos 2014 dan 8 Ogos 2014, dan dipersetujui Majlis Pimpinan Pusat KEADILAN.

Beliau telah didapati mengingkari keputusan mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat yang bermesyuarat pada 21 Julai 2014 yang sebulat suara memilih Presiden KEADILAN, Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon Menteri Besar Selangor yang baru.

Beliau telah membuat kenyataan media pada 22 Julai 2014 yang menyatakan keengganan beliau meletak jawatan Menteri Besar dan sehingga hari ini beliau terus enggan melepaskan jawatan tersebut.

Atas alasan ini sahaja pun, Lembaga Disiplin berpendapat beliau wajar dipecat.

Majlis Pimpinan Pusat turut mengambil maklum bahawa:

- Beliau ingkar terhadap keputusan yang telah dicapai oleh Majlis Presiden Pakatan Rakyat yang turut dihadiri Dato' Seri Tn Guru Hj Abdul Hadi Awang, sdr Lim Kit Siang, dan Dato' Seri Anwar Ibrahim mengenai:
 - o menangguhkan proses dan perbincangan mengenai projek Langat 2;
 - o menangguhkan kenaikan elaun Speaker, Menteri Besar, EXCO dan ADUN negeri Selangor;
- Beliau turut gagal mematuhi keputusan Majlis Presiden Pakatan Rakyat yang dipersetujui sendiri oleh beliau untuk melibatkan Jawatankuasa Penstrukturan Air Selangor dalam isu penstrukturan aset air Selangor;
- Beliau turut berkeras untuk meneruskan projek Lebuhraya KIDEX walaupun parti sudah mengarahkan beliau untuk mengkaji semula projek tersebut kerana ia bertentangan dengan matlamat dan manifesto Pakatan Rakyat yang dibentangkan sebelum Pilihanraya Umum ke-13 yang lalu;
- Beliau turut gagal memberikan penjelasan sepenuhnya kepada Majlis Presiden Pakatan Rakyat mengenai isu pelupusan hutang beliau dengan Bank Islam bernilai hampir RM70 juta.

Oleh yang demikian, adalah diumumkan bahawa TAN SRI KHALID IBRAHIM dengan ini dipecat dari Parti Keadilan Rakyat, berkuatkuasa serta-merta.

DATO' DR TAN KEE KWONG
 Pengerusi Lembaga Disiplin
 Parti Keadilan Rakyat
 9 OGOS 2014

Short URL: <http://www.keadilandaily.com/?p=62379>



Posted by [Keadilan Daily](#) on Aug 9 2014. Filed under [BERITA UTAMA](#), [KENYATAAN MEDIA](#). You can follow any responses to this entry through the [RSS 2.0](#). You can leave a response or trackback to this entry

Featured Links

- [Anwar Ibrahim](#)
- [Azmin Ali](#)
- [Fuziah Salleh](#)
- [Mansor Othman](#)
- [Nurul Izzah Anwar](#)
- [Parti Keadilan Rakyat](#)

Search Archive

Search by Date

Select Month ▼

Search by Category

AKTIVITI & CERAMAH (439) ▼

Search with Google

Write keyword and hit return

- [NASIONAL](#)
- [KENYATAAN MEDIA](#)
- [AKTIVITI & CERAMAH](#)
- [RENCANA](#)
- [RISALAH KEADILAN](#)
- [BUKU JINGGA](#)

- [IKLAN & PENGEDARAN](#)
- [RSS](#)

LAMPIRAN G

Acknowledgement
Copy



Edmund BON Tai Soon
+60 12 234 3285
ebon@BONadvocates.com

Joshua TAY H'ng Faong
+60 10 248 6524
jtay@BONadvocates.com

NEW Sin Yew
+60 13 363 9238
synew@BONadvocates.com

Jane TAI Le Qian
+60 16 541 1190
jrtai@BONadvocates.com

TAN Poh Yee
+60 12 685 0453
pytan@BONadvocates.com


Our ref: 2014084 NSY

Date: 10 August 2014

Your ref: *please advise*

Sent by: Fax (78850531) & Hand

- YB Dato' Dr Tan Kee Kwong**
Pengerusi Lembaga Disiplin, Parti Keadilan Rakyat
A-1-09, Merchant Square
No. 1, Jalan Tropicana Selatan 1
47410 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
- YB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail**
Presiden, Majlis Pimpinan Pusat, Parti Keadilan Rakyat
A-1-09, Merchant Square
No. 1, Jalan Tropicana Selatan 1
47410 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan



HEIRYANI MAHZAN
12.25 PM

Dear YB Dato' Dr Tan Tan Kee Kwong and YB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail,

**DECISION BY THE CENTRAL LEADERSHIP COUNCIL ADVISED BY
DISCIPLINARY BOARD ANNOUNCED IN A MEDIA CONFERENCE ON 9
AUGUST 2014 AT AROUND 6:00 PM**

We act for Tan Sri Khalid Bin Ibrahim. Our client instructs as follows:

- Our client notes that pursuant to a meeting between the Disciplinary Board of Parti Keadilan Rakyat (PKR Disciplinary Board) and the Central Leadership Council of Parti Keadilan Rakyat (PKR MPP) on 9 August 2014, the PKR MPP has decided to sack our client as a member of the party.
- You would note that pursuant to Part XI of the Constitution of Parti Keadilan Rakyat ("PKR Constitution"), the PKR Disciplinary Board had fixed a hearing date for our client who in turn had by letter dated 8 August 2014 requested a postponement in addition to posing further queries such as the precise nature of the charge against him. No reply has been forthcoming. Further by a letter from us to the PKR Disciplinary Board on 9 August 2014 received by YB Dato' Dr Tan Tan Kee Kwong at around 11:00 am, our client continued to labour under the understanding that a hearing would take place subject to the PKR Disciplinary Board replying to our client's letter dated 8 August 2014 on the new date and time, and with satisfactory details as requested.
- Instead, not only has the PKR Disciplinary Board not replied the said letter or held a hearing, it had proceeded to make a decision in absence of any hearing and/or in our client's absence. The PKR Disciplinary Board then recommended that the PKR MPP should sack our client.



BONadvocates.com

Edmund BON Tai Soon
+60 12 234 3285
ebon@BONadvocates.com

Joshua TAY H'ng Poong
+60 10 248 6524
jtay@BONadvocates.com

Jane TAI Le Qian
+60 16 541 1190
jtai@BONadvocates.com

NEW Sin Yew
+60 13 363 9238
synew@BONadvocates.com

TAN Poh Yee
+60 12 685 0453
pytan@BONadvocates.com

4. The disciplinary process against our client smacks of impunity, abuse, pre-judgment and bias for the following reason:

4.1 The PKR Disciplinary Board has:

- a. convened a disciplinary hearing on short notice.
- b. failed to specify with sufficient clarity the charge(s) levelled against our client.
- c. subsequently called on our client to answer 5 new issues which were not in the show cause letter.
- d. not replied to our client's request for postponement.
- e. failed to provide details as to the composition of the PKR Disciplinary Board.
- f. convened a disciplinary hearing in absence of our client.
- g. been chaired by YB Dato' Dr Tan Kee Kwong, who himself is under inquiry for alleged mismanagement of funds under the *Skim Mesra Usia Emas*.
- h. proceeded to recommend that the PKR MPP sack our client without hearing our client.

4.2 The PKR MPP has:

- a. failed to take into account the flawed and illegal disciplinary process by the PKR Disciplinary Board.
- b. taken into account matters not contained in the show cause letter such as the Selangor water restructuring, increase in the Menteri Besar's allowance, increase in business licence taxes, and KIDEX.
- c. allowed members who have a vested interest to sack our client given that:
 - i. YB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail has purportedly been selected to "replace" our client as the Menteri Besar of Selangor.
 - ii. Members of the PKR MPP have entrenched their positions by making wild and spurious allegations against our client which would be difficult for them to retract now.
 - iii. Members of the PKR MPP have further endorsed the distribution of a defamatory "dossier" of our client in an attempt to compel his ouster.

5. It is imperative to note that the total time taken from the date of the show cause letter of 5 August 2014 to the sacking of our client is less than 5 days.

2



BONadvocates.com

Edmund BON Tai Soon
+60 12 234 3285
ebon@BONadvocates.com

Joshua TAY H'ng Foong
+60 10 248 6524
jtay@BONadvocates.com

Jane TAI Le Qian
+60 16 541 1190
jtai@BONadvocates.com

NEW Sin Yew
+60 13 363 9238
synew@BONadvocates.com

TAN Poh Yee
+60 12 685 0453
pytan@BONadvocates.com

6. The PKR Disciplinary Board and the PKR MPP have breached the PKR Constitution in particular Article 4I read with Article 9. Please provide us as solicitors for our client (i) the names of those in attendance at the PKR MPP and how each of them voted; and (ii) the names of the members who constituted the PKR Disciplinary Board who decided on this issue.
7. Our client wishes to convey his surprise at the undue haste the PKR Disciplinary Board and the PKR MPP have acted. Your actions confirmed that PKR does not practice principles of "natural justice" and that the decision to sack our client was made for a collateral purpose, namely, to influence the sentiments of the public and/or political parties in the Pakatan Rakyat coalition (particularly PAS which is due to have a meeting soon on our client's position as the Menteri Besar of Selangor) to clamour for our client's removal as the Menteri Besar of Selangor.
8. In the final analysis, our client protests this illegal and flawed decision against him, and vehemently objects to the process that has been undertaken in our client's sacking. However, as you are well aware, section 18C of the Societies Act 1966 ousts the court's jurisdiction in hearing cases regarding political parties' disciplinary matters. And our client's right to an internal appeal – though YB Dato' Dr Tan Tan Kee Kwong has paid lip service to it – is nugatory and illusory by the recent sequence of events which PKR has willed to happen. Our client has little choice but to accept PKR's decision albeit an illegal and flawed one made without due process, and to move on.
9. Our client reminds you that upholding the rule of law and independence of the judiciary (or equivalent judicial-making tribunals as relevant in our client's case here) are among the purpose and objectives of the party, PKR, under Article 5.3 of the PKR Constitution. The PKR MPP and the PKR Disciplinary Board have utterly failed on both scores. In this sorry saga, the PKR MPP and the PKR Disciplinary Board have played the role of accuser, judge, jury and executioner. A litany of violations of natural justice and procedure without any semblance of independence is evident to any layperson's untrained eye. These actions have highly embarrassed the party, and our client feels very sad that it had to happen this way.

Our client reserves his rights in the meantime.

Yours faithfully,
For and on behalf of

New Sin Yew
c.c. Client

LAMPIRAN H



PARTI KEADILAN RAKYAT

Ibu Pejabat Parti

Parti Keadilan Rakyat
A-1-09, Merchant Square
No. 1, Jalan Tropicana Selatan 1
47410 Petaling Jaya

RUJUKAN KAMI: SUA2014/SKR/JKD/MHM/339
RUJUKANANDA:

TARIKH: 9hb Ogos 2014

TELEFON: +603 7885 0530

FAKS: +603 7885 0531

E-MEL: ibupejabat@keadilanrakyat.org

WEB: www.keadilanrakyat.org

YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim

Tingkat 20 & 21, Bangunan SSAAS

40503 Shah Alam

Selangor

No. Anggota: B050000001

Saudara,

MELALUI EMEL & SURAT BERDAFTAR AR

PEMECATAN KEANGGOTAAN

Perkara di atas adalah dirujuk.

Mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat pada 9hb. Ogos 2014 bersetuju pemecatan keanggotaan saudara berkuatkuasa serta merta merujuk kepada peruntukan Perlembagaan Parti Perkara 41.7

Keputusan yang dicadangkan Lembaga Disiplin, yang turut mempertimbangkan surat-surat balasan oleh saudara bertarikh 6hb. Ogos 2014 dan 8hb. Ogos 2014, dan dipersetujui Majlis Pimpinan Pusat.

Saudara telah didapati mengingkari keputusan mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat yang bermesyuarat pada 21hb. Julai 2014 yang sebulat suara memilih Presiden Parti, Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon Menteri Besar Selangor yang baru.

Saudara telah membuat kenyataan media pada 22hb. Julai 2014 yang menyatakan keengganan saudara meletak jawatan Menteri Besar dan sehingga hari ini saudara terus enggan melepaskan jawatan tersebut.

Saudara bagaimanapun boleh mengemukakan rayuan kepada Majlis Pimpinan Pusat (MPP) untuk pertimbangan mereka dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis ini merujuk kepada Perlembagaan Parti Fasal 42.1

Sekian, harap maklum.

Yang benar,

DATO' SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL
Setiausaha Agung
Parti Keadilan Rakyat

S.k. Pengerusi Lembaga Disiplin
Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri

LAMPIRAN I



Our Ref: TT/can/2014-khalid
Your Ref: 2014084 NSY

12th August 2014

BY FAX [22018809] ONLY

BON Advocates
A-3A-08, Pantai Business Park,
Jalan Pantai Baharu,
59200 Kuala Lumpur

Partners
Tommy Thomas
Alan Adrian Gomez

Consultant
Sitpah Selvaratnam

Associates
Ganesan Nethi
Rahayu Mumazalini
Anita Natalia
Michelle Sunita Kummar
Michael Yap Chih Hong

Attention : Mr New Sin Yew

Dear Sirs,

**Re: EXPULSION OF TAN SRI KHALID IBRAHIM
FROM PARTI KEADILAN RAKYAT**

We act for Dato' Dr Tan Kee Kwong and Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, and are instructed to reply to your letters dated 9th and 10th August 2014 to them.

Our clients note that your client has accepted his expulsion, and has rightly conceded that there is no recourse to the Courts.

However, it must be clearly understood that our clients strongly deny the various allegations made against them in your letters, which we do not propose to respond to.

Yours faithfully,

c.c. clients.